

FAQ: PENUKARAN LESEN KOMPOSIT TAKAFUL IKHLAS KEPADA LESEN YANG BERASINGAN



1. MENGAPAKAH TAKAFUL IKHLAS BERHAD PERLU MENUKAR LESEN KOMPOSIT UTAMA KEPADA DUA LESEN BARU YANG BERBEZA?

Penukaran ini adalah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013 (IFSA) dimana semua pengendali takaful perlu mempunyai lesen komposit yang berbeza bagi perniagaan takaful keluarga dan perniagaan takaful am mereka. Justeru itu, Takaful Ikhlas Berhad yang dahulunya mempunyai lesen komposit tunggal bagi kedua-dua perniagaan takaful am dan keluarga telah mendaftar dan menukar lesen komposit tunggal tersebut kepada lesen yang berasingan untuk perniagaan Takaful am dan keluarganya.

2. APAKAH OBJEKTIF UTAMA BAGI PENGASINGAN LESEN INI?

Objektif utama bagi pengasingan lesen ini adalah seperti berikut :

- Meningkatkan fokus pada bidang teras kepakaran masing-masing;
- Meminimumkan risiko yang timbul daripada bidang perniagaan di mana kepakaran dan kemahirannya terhad; dan
- Untuk memastikan kestabilan yang berterusan dalam sektor insurans dan takaful dengan mempunyai sekumpulan pekerja yang cekap.

3. BAGAIMANAKAH RUPABENTUK STRUKTUR BARU DAN BILA IANYA AKAN BERKUATKUASA?

Mulai 30 November 2018, Takaful Ikhlas Berhad menjalankan perniagaan takaful keluarga yang dinamakan semula kepada Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family). Lesen, aset dan liabiliti takaful amnya dipindahkan ke sebuah syarikat baru iaitu syarikat Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General) yang menjalankan perniagaan takaful am.

Sebelum Pengasingan

Selepas Pengasingan

Takaful Ikhlas Berhad

Takaful Ikhlas Family Berhad
(dahulunya dikenali sebagai
Takaful Ikhlas Berhad)

Takaful Ikhlas General Berhad

4. ADAKAH PENGASINGAN INI AKAN MENYEBABKAN PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT SIJIL TAKAFUL YANG DI KELUARKAN OLEH TAKAFUL IKHLAS?

Tidak. Tiada perubahan pada terma dan syarat bagi sijil Takaful IKHLAS yang terdahulu.

5. ADAKAH PERUBAHAN INI AKAN MERUBAH LOKASI CAWANGAN TAKAFUL IKHLAS?

Tidak. Semua lokasi cawangan tidak akan berubah bagi memudahkan pelanggan membuat transaksi.

6. APAKAH KESAN KEPADA PENGASINGAN LESEN INI?

Dua syarikat berasingan yang menguruskan perniagaan takaful am dan takaful keluarga masing-masing membolehkan Takaful IKHLAS memberi tumpuan kepada setiap perniagaan dan pada masa yang sama meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggannya.

7. BAGAIMANAKAH PELANGGAN DAN RAKAN PERNIAGAAN DIMAKLUMKAN BERKENAAN PENGURUSAN PENGASINGAN YANG DILAKSANAKAN?

Pelanggan dan rakan niaga akan dimaklumkan dengan sewajarnya menerusi laman sesawang korporat, media sosial (Facebook) dan pengumuman di Bursa Malaysia.

8. ADAKAH TERDAPAT PERBEZAAN IBU PEJABAT BAGI SETIAP SYARIKAT?

Tidak. Ibu pejabat akan kekal sama.

9. BILAKAH PENGUATKUASAAN LESEN PENGASINGAN DILAKSANAKAN?

Pelaksanaan lesen pengasingan mula berkuatkuasa pada 30 November 2018 jam 9.00 pagi.

Mengenai Takaful IKHLAS

10. DIMANAKAH SAYA BOLEH SALURKAN PERTANYAAN LANJUT BERKENAAN PERLAKSANAAN LESEN PENGASINGAN?

Sila hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-27239696 atau emelkan ke ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my.

11. BAGAIMANAKAH PRODUK TAKAFUL AKAN DIPENGARUHI?

Pelanggan akan menikmati ciri-ciri dan manfaat produk yang sama meskipun terdapat lesen pengasingan. Perbezaannya, produk-produk am akan berada di bawah Takaful Ikhlas General Berhad manakala produk-produk keluarga akan berada di bawah Takaful Ikhlas Family Berhad.

12. ADAKAH TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN DI DALAM PERKHIDMATAN?

Anda akan menikmati perkhidmatan yang sama. Walaubagaimanapun, Takaful IKHLAS General dan Takaful IKHLAS Family akan terus berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan kami.

13. ADAKAH TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN PADA NOMBOR TALIAN PELANGGAN?

Talian Pusat Pelanggan kami akan kekal sebagai 03-27239696 manakala talian am adalah 03-27239999.

14. ADAKAH PELANGGAN AKAN MENDAPAT POLISI YANG BARU / SIJIL YANG DISERTAKAN DENGAN NAMA SYARIKAT BARU?

- Pemegang sijil sedia ada tidak akan diberikan sijil gantian untuk mencerminkan nama syarikat baru.
- Sijil yang sedia ada dianggap baik dan efektif.

15. ADAKAH PENGASINGAN SYARIKAT, AKAN MEMBERIKAN KESAN TERHADAP SIJIL-SIJIL PERLINDUNGAN?

Sijil baru yang dikeluarkan mulai 30 November 2018 dan seterusnya akan menggunakan nama syarikat baru masing-masing.

Takaful IKHLAS mula mengukir nama didalam industri Takaful pada 18 September 2002 melalui Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan kemudian statusnya ditukar kepada Berhad pada 5 Mei 2014. Takaful IKHLAS terlibat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam yang berlandaskan prinsip dan hukum Syariah.

Pada 30 November 2018, Takaful Ikhlas Berhad telah mengumumkan penukaran lesen takaful kompositnya kepada dua entiti untuk menguruskan perniagaan takaful keluarga dan am secara berasingan. Penukaran ini adalah selaras dengan keperluan perundangan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013 (IFSA).

Takaful Ikhlas Berhad dikenali dengan nama baharu **Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family)** yang menguruskan perniagaan takaful keluarga. Perniagaan takaful amnya akan diuruskan oleh entiti baru, **Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General)**.

Takaful IKHLAS menyediakan produk keluarga dan takaful am yang komprehensif. Saluran pengedarannya terdiri daripada ejen yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dan terlatih, broker, institusi kewangan, pemegang francais motor dan koperasi.

Takaful IKHLAS mempunyai 13 pejabat cawangan dan kini mempunyai hampir 2 juta pemegang sijil (polisi) berdaftar dan juga lebih 5,000 orang ejen. Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General merupakan anak-anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad.

Progresif. Inovatif. IKHLAS.